

Edisi Kedua 2024

MITASA
KESATUAN KAKITANGAN AKADEMIK UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA



Suara

MITASA

Bengkel e-TUIS,
bantu kesatuan
lebih efisien

Risiko psikososial
tempat kerja:
ke arah menjadikan UiTM
sebagai majikan yang
sihat dan selamat

Usah aniaya anak buah,
jawatan adalah amanah
dan keadilan

Kenapa Susahnya
Nak Naik Pangkat?

PTM beri pendedahan
kepada pensyarah baharu

Insentif Kecemerlangan
SPM terus bantu anak
ahli MITASA

ISSN 3083-6116



9 773063 611009

Permulaan yang sempurna

PTM beri pendedahan kepada pensyarah baharu

Satu forum Transformasi Minda (PTM) telah diadakan di ILD Kampung Gajah, Perak pada hujung Julai lalu bagi memberi pelbagai pendedahan kepada pensyarah-pensyarah yang baru menyertai Universiti Teknologi Mara (UiTM).

Forum berkenaan turut menjemput Presiden Kesatuan Kakitangan Akademik UiTM (MITASA), Encik Sahrudin Lin sebagai salah seorang ahli panel di samping ahli panel lain iaitu Pengarah Zakat, Sedekah dan Wakaf UiTM, Profesor Madya Dr Ashrof Zaki Yaakob dan Pengerusi Koperasi UiTM, Encik Shahrudin Hanip. Turut mengiringi, Timbalan Presiden MITASA, Encik Mohd Amirul Akhbar Mohd Zulkifli.

Forum selama dua jam tersebut memberi pelbagai input yang berguna kepada pensyarah, sekaligus diperkenalkan dengan organisasi yang hadir bagi memberi pendedahan kepada keterlibatan pensyarah selepas ini.

MITASA juga turut berkongsi mengenai peri pentingnya pensyarah menyertai kesatuan, kebajikan yang disediakan, syarat untuk menyertai MITASA dan sebagainya.

Untuk pusingan kedua, semua wakil-wakil organisasi yang hadir berkongsi mengenai kelebihan masing-masing, dan daripada maklum balas yang diterima, MITASA menerima lebih 40 borang permohonan baharu selepas tamat program berkenaan.

Langkah ini amat penting supaya pensyarah-pensyarah baharu ini tidak terlepas peluang yang ada terutamanya untuk mendapat segala manfaat yang MITASA sediakan kepada ahli.

Untuk sebarang urusan berkaitan akses terhadap MITASA, ahli-ahli boleh mengikuti kami di platform media sosial MITASA dengan mengimbas kod QR yang disediakan seperti Tiktok, Facebook, Instagram dan Twitter. Bersama ini juga disertakan kod QR untuk pendaftaran sebagai ahli dan borang aduan untuk ahli yang memerlukan.

Media Sosial MITASA




Tiktok



Facebook



Twitter



Instagram



Laman Web

Keahlian & Aduan



Kemaskini Keahlian



Borang Ahli



Borang Aduan



Siti Fatimah Awang
Setiausaha Media dan
Korporat MITASA
010-9280262



**Nadra Sharfina
Ab Rahman**
Setiausaha Pejabat MITASA
018-2365130